

TEKS UCAPAN
YB DATO' WIRA OTHMAN AZIZ
TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I
SEMPENA HARI KELUARGA PERBENDAHARAN
PADA 19 OGOS 2017 (SABTU), JAM 8.30 PAGI
BERTEMPAT DI MAEPS, SERDANG

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

YB Dato' Lee Chee Leong

Timbalan Menteri Kewangan II

YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Merangkap Yang DiPertua Kelab Perbendaharaan

YBhg. Dato'-Dato' Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

YBhg. Dato' Haji Che Pee Bin Samsudin

Ketua Akauntan Negara

Warga Perbendaharaan dan Jabatan Akauntan Negara

Serta Rakan Media yang saya hormati sekalian.

ALUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua sekali lagi kita dapat berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan Hari Keluarga Kelab Perbendaharaan Tahun 2017.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dr Mohd Irwan serigar Abdullah selaku Ketua Setiausaha Perbendaharaan merangkap Yang Dipertua Kelab Perbendaharaan yang sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Hari Keluarga Kelab Perbendaharaan bagi tahun ini.
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada pihak urus setia yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini yang menarik, berwarna warni serta menghiburkan. Pelbagai acara permainan telah diatur dan saya pasti anda semua akan memberikan komitmen padu dan semangat berpasukan yang tinggi dalam setiap acara yang disertai. Suasana seperti inilah menunjukkan bahawa warga MOF adalah warga yang aktif, ceria serta mempunyai sikap yang sangat sporting. Program ini dibiayai sepenuhnya oleh Kelab Perbendaharaan daripada yuran kelab yang dibayar setiap bulan oleh semua warga Perbendaharaan dan Jabatan Akauntan Negara. Ia turut menyediakan ruang kepada

warga MOF untuk berinteraksi antara satu sama lain melibatkan semua peringkat namun tatasusila dan sifat hormat-menghormati masih dijaga. Inilah nilai-nilai murni yang perlu dikekalkan dan seterusnya dijadikan ramuan kejayaan untuk mencapai misi dan visi MOF.

4. Saya percaya semua yang hadir pada hari ini amat berbangga dan gembira kerana diberi kesempatan untuk meluangkan masa bersama-sama ahli keluarga dan merehatkan minda dari kesibukan harian dan tugas pejabat serta tekanan yang dialami di tempat kerja. Sesungguhnya aktiviti seperti ini adalah antara cara pengurusan *stress* yang boleh kita laksanakan. Malah, ia dapat memberi ruang dan peluang kepada semua warga MOF untuk berkumpul dan berada di dalam satu majlis.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Meskipun persekitaran ekonomi global masih tidak menentu dan belum pulih sepenuhnya, namun, **ekonomi Malaysia kekal berdaya saing** dan menunjukkan **prestasi pertumbuhan yang cukup membanggakan**. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Perbendaharaan tadi, Bank Negara telah melaporkan bahawa KDNK Malaysia pada **suku kedua tahun 2017** telah **berkembang di luar jangkaan iaitu pada 5.8 peratus** berbanding 4 peratus pada tahun 2016.

6. Terkini, menurut **Bloomberg**, ringgit merupakan nilai matawang **Asia paling kukuh berbanding dollar Amerika** sepanjang suku kedua tahun ini (peningkatan hampir 3 peratus). Justeru, jika kita mahu **menilai secara objektif dan adil, dakwaan** bahawa **Malaysia adalah sebuah Negara yang gagal** adalah **meleset sama sekali**. Hakikatnya, rakyat Malaysia dapat membina **kehidupan yang baik** lebih baik berbanding Negara lain.
7. Semua ini telah dibuktikan juga dengan pelbagai indeks antarabangsa yang mengukur pencapaian Malaysia. Misalnya kajian **Indeks Kebahagiaan Dunia 2017** telah meletakkan **Malaysia** (skor indeks: 6.084) sebagai **negara ketiga di rantau Asia paling bahagia selepas Singapura** (skor indeks 6.572) dan **Thailand** (skor indeks 6.424).
8. Dalam senarai **Laporan Daya Saing Global 2016-2017**, terbitan Forum Ekonomi Dunia yang berpangkalan di Switzerland, meletakkan **Malaysia di kedudukan ke-25** daripada **138 negara**. Dengan kedudukan ini, negara kekal berada dalam kalangan 20 peratus **negara teratas paling berdaya saing**, dan berada di **kedudukan paling tinggi** di kalangan negara-negara membangun di Asia.
9. Dalam senarai **Indeks Keamanan Global 2017** yang diterbitkan oleh Institute for Economics and Peace yang berpangkalan di New York, Negara kita menduduki **tempat ke 29 dari 163 buah Negara** yang disenaraikan. Majalah Forbes dalam kolum International Living

menyenaraikan **Malaysia di tangga ke 6 di kalangan negara-negara terbaik** sebagai tempat persaraan dalam tahun 2017 (The World's Best Places To Retire In 2017). **Malaysia adalah satu-satunya Negara Asia yang berada dalam senarai 10 teratas** dalam senarai ini.

10. Terkini, agensi penarafan antarabangsa utama, iaitu Fitch Rating telah mengekalkan **tahap profil kredit negara dalam kategori 'A-'**, setanding dengan Iceland dan Poland, serta lebih baik daripada Indonesia, Italy Mexico dan Sepanyol. Tahap penarafan ini disokong oleh pertumbuhan ekonomi negara kukuh dan lebihan akaun semasa yang stabil. Ini menunjukkan keyakinan para pelabur antarabangsa terhadap pentadbiran ekonomi dan kewangan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Dan saya suka menyebut dan memaklumkan kepada ahli keluarga di sini bahawa warga MOF yang berada di sini hari ini merupakan antara kumpulan yang sangat penting dalam menentukan segala yang telah dirancang dan dibentangkan sebagai agenda utama dan dasar negara, dapat dilaksanakan dan sampai kepada kumpulan sasar dan rakyat keseluruhannya. Justeru adalah diharapkan ahli-ahli keluarga kita di sini akan lebih memahami peranan dan tanggungjawab warga Kementerian Kewangan.
12. Dalam masa yang sama saya berharap kita kini sedang rancak dan akan terus bersama-sama merealisasikan inisiatif Bajet 2017

terutamanya inisiatif Kementerian Kewangan dilaksanakan mengikut apa yang telah dirancang dengan sempurna untuk kepentingan rakyat. Antaranya pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), pengwujudan UTC Perlis, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang; penambahan empat buah bas Pusat Transformasi Komuniti Bergerak atau dikenali sebagai CTC Mobile. Inilah antara tanggungjawab yang kita galas bersama demi mencapai visi MOF iaitu sebagai peneraju strategik keberhasilan kewangan dan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan mapan demi kemakmuran rakyat dan negara.

13. Kita juga perlu bersama-sama berganding bahu untuk menempa kejayaan dan merealisasikan pengurusan kewangan Malaysia antara yang terbaik di mata dunia. Misi ini tidak akan dicapai jika tiada kerjasama dan kesepakatan dalam melaksanakan tugas. Justeru itu, saya yakin bahawa MOF mampu menjadi kementerian yang cemerlang sekiranya setiap warga MOF serta jabatan dan agensi-agensinya memberikan sokongan padu dan khidmat yang tidak berbelah bahagi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENUTUP

14. Akhir kata, syabas kepada Jawatankuasa atas kejayaan dalam menganjurkan Hari Keluarga Kelab Perbendaharaan 2017. Semoga

program ini akan tersemat di dalam hati dan menjadi kenangan manis dan tersimpan rapi dalam memori kita semua. Saya juga berharap program ini dijadikan acara wajib Kementerian setiap tahun.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIROHMANIROHIM, SAYA
MERASMIKAN HARI KELUARGA KELAB PERBENDAHARAAN
2017.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*

Kementerian Kewangan

Putrajaya

19 Ogos 2017